

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

# Skuter Lama Abah

**NURUUL HIDAYAH MANSOR & MUHAMMAD AMIN BIN FARIT**

Perintah Kawalan Pergerakan Negara telah memberi kesan kepada perniagaan keluarga yang beroperasi di Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR) Kuala Lumpur apabila diarah untuk tutup serta-merta dan tidak dapat beroperasi sepenuhnya ketika negara dilanda wabak COVID-19. Penutupan tersebut memberi impak yang besar kepada seluruh ahli keluarga kerana hilangnya punca pendapatan utama keluarga. Rasa sebak di hati dan kebimbangan melihat keluarga terpaksa mengeluarkan wang simpanan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai jalan untuk bertahan hidup telah mendorong Muhammad Amin Farit (23 tahun) untuk membantu dan meneruskan legasi perniagaan keluarga.

Bercerita mengenai pengalaman awal berkecimpung dalam dunia perniagaan, bantuan dan dorongan rakan kelas di universiti mengajar cara memasarkan barangan dalam platform youtube dan menjual di Shopee menjadi pengalaman pertama kepada beliau untuk terus mengembangkan lagi platform jualan yang lain. Pemasaran perniagaan secara atas talian telah membantu memulihkan perniagaan keluarga beliau yang dulunya hanya bertumpukan kepada jualan di premis bangunan kedai, tetapi sekarang sudah menembusi pasaran atas talian melalui kebanyakan platform seperti Facebook, Shopee, Telegram, Tiktok dan Instagram. Menyedari kepentingan mendalami ilmu perniagaan yang sebenar, beliau mula mengambil langkah untuk terus belajar ilmu perniagaan dengan mengikuti kelas, seminar atau bengkel percuma yang banyak disediakan seperti Hasbul Brother, Najib Assadok dan Funnel Evo selain sentiasa ringan mulut untuk bertanya kepada individu berpengalaman di tempat kerja.

Malah beliau berkongsi sejak beliau menjalani latihan industri ketika pengajian di UiTM beliau sudah mula rajin bertanya dan belajar perkara asas cara untuk mengendali, menghias dan menyusun atur kedai.

Berbekalkan wang RM30.00 untuk membeli plastik parcel di kedai J&T, beliau mula menghantar 1 parcel dengan menggunakan skuter lama Abah sehinggalah jumlah parcel semakin bertambah kepada 10, 20, 40 parcel dan seterusnya. Apa yang menjadi kenangan manis kepada beliau di peringkat permulaan perniagaan apabila menerima satu tempahan daripada pelanggan untuk lima (5) helai kain batik lepas (belum jahit) Terengganu.



Beliau berkongsi yang pada peringkat permulaannya jualan tidak menampakkan untung kerana mungkin faktor tidak mahir dalam mengendalikan akaun. Namun dari tahun ke tahun perniagaan menampakkan hasil yang positif dan konsisten sehingga berjaya mencecah jualan sebanyak 100 ribu ke atas pada tahun 2022.



**PROFIL:**

MUHAMMAD AMIN BIN FARIT  
22 TAHUN

**ASAL:**

KELANTAN

**PERNIAGAAN:**

QAWIUN ENTERPRISE  
PEMBORONG DAN PERUNCIT TEXTILE

**Alma Mater:**

Diploma Pengurusan Halal  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
2019-2022

Kejayaan berada kekal sebagai TOP 10 Best selling kain pelikat gajah duduk di Shopee sehingga sekarang menjadi salah satu indikator kekuatan kepada beliau untuk terus kekal bergiat aktif dan berdaya saing dalam perniagaan. Pengalaman dan cabaran berharga pada beliau apabila dijemput untuk menyertai,

**“TITLE OF MALAYSIA’S TOP E-COMMERCE MERCHANT”**

pada tahun 2021. Tidak lokek untuk berkongsi pengalaman juga, beliau diundang oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam segmen Business Sharing “SHOPEE TALK” pada 16 April 2022 untuk berkongsi cerita cara beliau bermula berniaga di Shopee.

Apabila diwawancara tentang ilmu atau asas-asas penting yang perlu ada oleh mahasiswa untuk menceburkan diri dalam perniagaan, menurut saudara Amin, persediaan membina kemahiran diri sangat penting untuk melahirkan mahasiswa yang berdikari, matang di samping membentuk strong character individu kerana hakikat dunia perniagaan yang sebenar amat mencabar.

Modal yang besar bukanlah satu perkara mesti bagi seorang mahasiswa untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan. Namun, asas kesabaran, sentiasa bersyukur dengan apa yang diperolehi walaupun sedikit, sikap sentiasa membuka hati untuk menambah ilmu pengetahuan dan merendah diri adalah asas-asas yang perlu ada pada seorang usahawan muda.

**Business Quotes:**

“Day One Or One Day”,

“The Price Of Success Is Hard Work, Dedication To The Job”,

“Instead Of Thinking How Hard Your Journey Is, Think Of How Great Your Story Will Be”

“Practice Like You Never Won, Perform Like You Never Lost”